



28 Ogos 2026
28 August 2026
P.U. (A) 309

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PELANCONGAN (PEMBERI PERKHIDMATAN PLATFORM DIGITAL) (PINDAAN) 2026

TOURISM TAX (DIGITAL PLATFORM SERVICE PROVIDER) (AMENDMENT) REGULATIONS 2026

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PELANCONGAN 2017

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PELANCONGAN
(PEMBERI PERKHIDMATAN PLATFORM DIGITAL) (PINDAAN) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 70(2)(f) Akta Cukai Pelancongan 2017 [*Akta 791*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Pelancongan (Pemberi Perkhidmatan Platform Digital) (Pindaan) 2026**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2026.

Pindaan peraturan 15

2. Peraturan-Peraturan Cukai Pelancongan (Pemberi Perkhidmatan Platform Digital) 2021 [*P.U. (A) 153/2021*] dipinda dengan menggantikan peraturan 15 dengan peraturan yang berikut:

“Waktu bagi pengemukaan penyata dan pembayaran

15. (1) Mana-mana penyata dan pembayaran cukai pelancongan atau penalti yang kena dibayar melalui perkhidmatan elektronik boleh diterima pada bila-bila masa kecuali apabila perkhidmatan elektronik itu sedang disenggara.

(2) Bagi maksud menentukan masa penerimaan penyata dan pembayaran cukai pelancongan atau penalti yang kena dibayar di bawah subperaturan (1), masa standard Malaysia (UTC/GMT + 8 jam) hendaklah terpakai.

(3) Jika hari terakhir penerimaan penyata dan pembayaran cukai pelancongan atau penalti yang kena dibayar di bawah seksyen 201 Akta jatuh pada—

- (a) hari kelepasan mingguan Persekutuan di Malaysia;
- (b) hari kelepasan am Persekutuan di Malaysia;
- (c) hari kelepasan mingguan di negara yang orang berdaftar asing itu ditubuhkan; atau
- (d) hari kelepasan am di negara yang orang berdaftar asing itu ditubuhkan,

hari terakhir untuk menerima penyata dan pembayaran cukai pelancongan atau penalti yang kena dibayar itu adalah pada hari sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (a), (b), (c) atau (d).”.

Dibuat 27 Ogos 2026

[MOF.700-1/3/17 JLD.5 (S); KE.HF(152)899/07 JLD.2(5); PN(PU2)745/JLD.3]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Menteri Kewangan II

TOURISM TAX ACT 2017

TOURISM TAX (DIGITAL PLATFORM SERVICE PROVIDER)
(AMENDMENT) REGULATIONS 2026

IN exercise of the powers conferred by paragraph 70(2)(f) of the Tourism Tax Act 2017 [*Act 791*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Tourism Tax (Digital Platform Service Provider) (Amendment) Regulations 2026**.

(2) These Regulations come into operation on 1 September 2026.

Amendment of regulation 15

2. The Tourism Tax (Digital Platform Service Provider) Regulations 2021 [*P.U. (A) 153/2021*] are amended by substituting for regulation 15 the following regulation:

“Hours for submission of return and payment

15. (1) Any return and payment of tourism tax or penalty payable through electronic services may be received at any time except when the electronic services are under maintenance.

(2) For the purpose of determining the time of receipt of the return and payment of tourism tax or penalty payable under subregulation (1), the Malaysian standard time (UTC/GMT + 8 hours) shall apply.

(3) Where the last date of receiving the return and payment of tourism tax or penalty payable under section 20I of the Act falls on—

(a) a Federal weekly holiday in Malaysia;

(b) a Federal public holiday in Malaysia;

(c) a weekly holiday in the country where the foreign registered person is established; or

(d) a public holiday in the country where the foreign registered person is established,

the last day to receive such return and payment of tourism tax or penalty payable is on the day as specified in paragraph (a), (b), (c) or (d).”.

Made 27 August 2026

[MOF.700-1/3/17 JLD.5 (S); KE.HF(152)899/07 JLD.2(5); PN(PU2)745/JLD.3]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Minister of Finance II